

## **Pengurusan Wang Tabung Amanah Zakat Pusat Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tinjauan Terhadap Asnaf Penerima Zakat**

*The Management of Zakat Fund of Islamic Centre and Sultan Idris  
 Education University: A Survey to Zakat Beneficiaries*

Abd Rahman Abd Ghani, Mohd Noor Daud & Mohd Abdul Nasir Abd Latif  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris  
 email: abdrahmanghani@fsk.upsi.edu.my

### **Abstrak**

Pengurusan wang zakat secara amanah dan bersistematis adalah penting dan perlu diambilberat oleh pihak pengurusan mana-mana agensi atau institusi yang terlibat. Kajian ini dijalankan di Pusat Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bertujuan untuk mengenalpasti asnaf-asnaf, kriteria penerima zakat serta cara penyampaian maklumat kepada pemohon zakat di Pusat Islam UPSI. Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan metode temu bual yang melibatkan empat orang responden terdiri daripada pegawai-pegawai Pusat Islam yang terlibat secara langsung menguruskan unit zakat ini. Data temu bual yang diperolehi dianalisis dan dibuat perbandingan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Hasil kajian mendapat bahawa Pusat Islam dapat menjalankan amanah yang diberikan dengan berkesan dari semua sudut bermula dari mengenalpasti asnaf-asnaf yang berhak menerima zakat sehingga ke peringkat mengagihkan wang tersebut kepada asnaf-asnaf yang memerlukan di UPSI. Walaupun terdapat sedikit perbezaan jawapan yang diberikan oleh sebahagian responden hasil daripada temu bual yang dilakukan, namun perbezaan tersebut tidak memberikan satu impak yang besar terhadap pengurusan Tabung Amanah Zakat.

**Kata kunci** Pusat Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris, pengurusan zakat, asnaf zakat

### **Abstract**

The management of zakat trust fund is a matter of a great concern for agencies and institution involved. This study was conducted at the Islamic Center of Sultan Idris Education University with the objectives to identify zakat beneficiaries, their criteria as well as how the information was delivered to the applicants. Qualitative method was utilized whereby interviews were conducted that involved four respondents from the Islamic Center whom were directly involved in managing the fund. The interview data were analyzed and compared in order to obtain the required information. The result shows that the Islamic Center had managed to carry out the tasks efficiently in identifying the beneficiaries who are eligible to receive zakat in the university up to the stage where the money was distributed to them. Despite having different answers on the issues raised, it was in fact did not effect on how they manage the zakat trust fund.

**Keywords** Islamic Centre, Sultan Idris Education University, zakat management, zakat beneficiaries

### **PENDAHULUAN**

Pengurusan wang zakat merupakan suatu perkara yang tidak mudah dilakukan kerana ia hanya berhak diterima oleh asnaf-asnaf yang tertentu sahaja. Pihak yang menguruskan wang zakat perlu mengenalpasti asnaf-asnaf tersebut sebelum agihan dilakukan, selain perlu mengkaji terlebih dahulu jumlah agihan yang perlu diserahkan. Semua urusan ini perlu dilaksanakan secara telus dan amanah agar ia menepati kehendak agama Islam yang sebenar. Pusat Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) adalah antara institusi yang diamanahkan untuk menguruskan wang zakat ini, justeru artikel ini akan mengemukakan secara terperinci semua perkara yang berkaitan dengan pengurusan zakat di institusi tersebut.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Zakat adalah salah satu ibadat harta yang wajib ditunaikan sebagai sumbangan terhadap masyarakat. Ia bertujuan bagi menjamin kerjasama dan menggerakkan aktiviti sosioekonomi umat Islam dan ia juga sebagai satu daripada cara-cara untuk merealisasikan sistem jaminan sosial Islam. Zakat dari segi bahasa bermaksud keberkatan, kesucian, subur, berkembang dan kebaikan manakala dari segi syarak ia membawa maksud mengeluarkan sebahagian harta tertentu dan diberikan kepada golongan yang berhak menerimanya mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak. Sejak zaman Rasulullah SAW lagi zakat telah mula diwajibkan ke atas umat Islam, iaitu pada bulan Syawal tahun ke-2 hijrah (Ahmad Syafi'i, 2005).

Mukallaf yang mendapat rezeki lumayan diperintahkan oleh syarak supaya mengeluarkan hak Allah yang terkandung di dalamnya kepada mereka yang berhak dan halal menerimanya, iaitu golongan asnaf. Dalil-dalil pesyariatan zakat terdapat dalam beberapa firman Allah SWT. Antaranya firmanNya yang bermaksud:

"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah, supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk), dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka, dan (ingatlah ) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

(Al-Taubah: 103)

"Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta keluarkanlah zakat dan taatlah kamu kepada Rasul supaya kamu beroleh rahmat."

(Al-Nur: 56)

"Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian taat setia dengan Bani Israil (dengan berfirman) : Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu-bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim serta orang miskin, dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat. Kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil daripada kamu dan sememangnya kamu orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya."

(Al Baqarah: 83)

Zakat diwajibkan bertujuan untuk menyucikan diri dari sifat kedekut dan bakhil dalam kalangan orang kaya. Selain itu, ia melatih golongan mukallaf melakukan latihan *infaq* dan berbelanja dengan betul dan berakhlik dengan akhlak yang direhui Allah, iaitu mengambil sifat-sifat Allah dengan melimpahkan kebaikan, kasihan belas, pemurah dan ihsan. Berzakat juga sebagai satu tanda bersyukur atas rezeki yang diperolehi, membersihkan diri dari sifat cintakan dunia dan dapat menyuburkan sahsiah orang kaya.

Pengurusan zakat di Malaysia diuruskan oleh pemerintah di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan terdapat juga di sesetengah negeri yang mewujudkan sendiri institusi khas yang agak tersendiri dari MAIN. Setiap negeri mempunyai badan kuasa agama yang dipertanggungjawab untuk mengendalikan hal yang berkaitan agama termasuklah urusan zakat. Jabatan yang secara jelas bertanggungjawab mengurus zakat dalam aspek mengutip dan mengagihkan zakat adalah Baitul Mal.

Pengagihan zakat terdapat dalam pelbagai skim dan bentuk antaranya ialah melalui pendidikan. Bantuan pendidikan terhadap golongan asnaf fakir dan miskin ini adalah penting untuk memastikan golongan ini mendapat peluang pendidikan yang sama seperti orang lain dan ia merupakan salah satu bantuan yang terpenting untuk menolong golongan ini keluar dari kepompong kemiskinan mereka.

## KAJIAN LITERATUR

Mujaini (2005) membahagikan semula konsep agihan zakat terbahagi kepada tiga bahagian iaitu berdasarkan keperluan, pemupukan dan galakan hidup beragama dan moral, dan agihan berdasarkan insentif dan motivasi yang diberikan kepada pengurus zakat. Definisi ini diklasifikasikan semula untuk memudahkan proses agihan yang mudah dan berkesan kerana ayat di dalam al-Quran berkenaan dengan hal tersebut bersifat umum yang memerlukan penelitian.

Satu kajian lain telah dilakukan oleh Hairunnizam, Sanep Ahmad dan Radiah (2009) yang bertajuk *Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf : Kajian di Malaysia*. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah pengagihan zakat itu menyeluruh kepada semua asnaf yang patut menerimanya. Kajian ini mendapati institusi zakat di Malaysia masih lagi gagal mengagihkan zakat kepada asnaf selain fakir, miskin dan amil. Kajian tersebut mendapati asnaf *fi sabilillah* adalah asnaf yang terbesar selain asnaf fakir dan miskin dan terdapat banyak lebihan zakat yang tidak diagihkan kepada asnaf oleh setiap institusi. Hasil kajian ini juga mendapati masyarakat Islam di Malaysia masih ramai tidak berpuas hati kaedah pengagihan zakat. Ramai pembayar zakat inginkan zakat diagihkan secara adil agar wang lebihan zakat tersebut dapat diagihkan kepada asnaf-asnaf lain seperti *ibn sabil*, *al-gharimun* dan *al-riqab*.

Kajian yang dilakukan oleh Wan Saufi, Hasan Bahrom dan Wan Yusrol (2006) yang membuat kajian terhadap corak agihan dan pembentukan modul agihan zakat dalam kalangan asnaf fakir dan miskin di negeri-negeri pantai timur. Kajian menunjukkan bahawa agihan wang zakat dari segi dasar dan prinsip agihan terhadap fakir dan miskin di negeri-negeri pantai timur masih tidak selaras. Agihan wang zakat yang diterima oleh asnaf fakir dan miskin kebanyakannya bersifat sementara dan tidak kekal, sedangkan penyelesaian masalah kemiskinan perlu diberi bantuan secara bulanan bagi mengeluarkan penerima zakat keluar dari kitaran kemiskinan.

Md. Hairi (2009) dalam kajiannya yang mengkaji tentang keberkesanannya sistem agihan zakat menyatakan bahawa agihan wang zakat perlu dilaksanakan dengan berkesan memandangkan wang zakat akan bertambah dari semasa ke semasa agar tidak menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan pembayar zakat. Kesan dari ketidakpuasan hati ini akan menyebabkan pembayar zakat memilih alternatif lain untuk membayar sendiri zakat kepada golongan asnaf tanpa melalui institusi zakat. Hasil dari kajian tersebut telah menghasilkan satu modul yang boleh digunakan oleh pengurusan zakat supaya proses agihan dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana garis panduan yang sedia ada tidak lagi relevan akibat dari perubahan masa.

Sebuah kajian Azman dan Siti Martiah (2013) terhadap peranan institusi zakat dalam pembangunan pendidikan asnaf fakir dan miskin di Malaysia menyatakan bahawa peranan zakat dalam pendidikan adalah penting supaya asnaf fakir dan miskin ini tidak ketinggalan dalam pelajaran. Skim dan bantuan zakat pendidikan dapat meringankan beban mereka dalam membayar yuran persekolahan dan pengajian di institusi tinggi. Permasalahan yang dikenalpasti adalah tidak semua asnaf fakir dan miskin mendapat pendedahan mengenai cara-cara untuk memohon skim dan bantuan zakat tersebut yang menyebabkan hanya segelintir golongan fakir dan miskin sahaja yang mendapat manfaat daripada bantuan zakat ini.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pusat-pusat zakat sememangnya merupakan institusi yang perlu diwujudkan. Selain dari memenuhi tuntutan agama, ia juga sangat berperanan dalam urusan yang berkaitan dengan wang zakat yang dikeluarkan oleh pembayar-pembayar zakat setiap tahun. Sekiranya jumlah wang yang terkumpul setiap tahun itu tidak diuruskan dengan sebaiknya, ditakuti ia akan disalahguna oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Peningkatan kutipan wang zakat akan membawa kepada peningkatan jumlah wang zakat yang perlu diagihkan kepada asnaf yang layak. Dengan peningkatan wang zakat ini akan memberikan cabaran besar kepada baitul mal sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam pengagihan wang zakat ini. Sebarang kelemahan dalam pengurusannya akan menyebabkan agihan tidak dapat dilakukan dengan sewajarnya.

Pengurusan agihan wang zakat perlu dilakukan dengan cara yang berkesan supaya ianya tidak menimbulkan ketidakpuasan terhadap pembayar zakat. Jika perkara tersebut berlaku, ditakuti ada dalam kalangan pembayar zakat membayar zakat terus kepada golongan asnaf tanpa melalui pusat agihan zakat. Oleh itu, usaha-usaha untuk meningkatkan keberkesanannya pengurusan kutipan dan agihan zakat negara secara profesional perlu diteruskan. Hasilnya kutipan zakat mencatatkan peningkatan pada setiap tahun.

Namun begitu masih banyak lagi usaha-usaha penambahbaikan yang perlu dilakukan agar objektif zakat sebagai instrumen agihan kekayaan dan mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan negara dapat ditingkatkan dengan lebih efisien. Manakala Data United Nations Human Development Report 2004 menyatakan jurang antara golongan kaya dan miskin di Malaysia sangat luas iaitu sebanyak 22.1 peratus. Justeru, bagi menyelesaikan jurang antara golongan kaya dan miskin adalah melalui pelbagai dasar pembangunan ekonomi antaranya ialah dengan menguatkuasakan undang-undang zakat korporat sebagai panduan mewajibkan harta-harta zakat masa kini.

Kajian daripada Iman Salleh dan Sanep Ahmad (2011) mendapatkan bahawa masyarakat mempunyai tahap keyakinan yang tinggi terhadap infra pengurusan dan kaedah pengurusan pungutan. Sebaliknya, keyakinan terhadap pengurusan agihan masih di tahap yang rendah. Oleh yang demikian, kajian ini menjurus kepada pengurusan agihan wang zakat kepada asnaf-asnaf yang layak dan menyelidiki tentang proses agihan tersebut. Ini amat penting bagi memastikan bahawa wang zakat diagihkan bertepatan dengan hukum syariat dan disalurkan kepada asnaf yang benar-benar layak menerimanya dan dapat diagihkan secara menyeluruh.

## **OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

Objektif kajian yang ingin dicapai oleh kajian ini adalah:

1. Mengenalpasti asnaf-asnaf penerima zakat daripada Pusat Islam UPSI.
2. Mengenalpasti kriteria penerima zakat di Pusat Islam UPSI.
3. Mengenalpasti cara penyampaian maklumat kepada pemohon berkaitan zakat di Pusat Islam UPSI.

Persoalan kajian yang difikirkan sesuai dan bertujuan mencari jawapan bagi merealisasikan objektif kajian yang ingin dikaji adalah melihat kepada;

1. Siapakah asnaf-asnaf penerima zakat daripada Pusat Islam UPSI?
2. Apakah Kriteria penerima zakat di Pusat Islam UPSI?
3. Bagaimanakah cara maklumat disampaikan kepada pemohon zakat di Pusat Islam UPSI?

## **Metodologi Kajian**

### **REKA BENTUK KAJIAN**

Penghasilan sesuatu penyelidikan memerlukan kepada kaedah dan proses yang sistematik. Justeru, pengkaji menggunakan kajian penyelidikan yang relevan agar terhasil sebuah kajian yang bermutu. Reka bentuk kajian ialah pelan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan (Sabitha Marican, 2006). Melalui reka bentuk kajian, ia membantu penyelidik untuk melakukan proses mengumpul maklumat, menganalisis dan membuat pentafsiran tentang kajian yang dijalankan.

Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang mana ianya bertujuan untuk mengkaji dan menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku dan ianya tidak bertujuan untuk menguji hipotesis (Mohd Najib Abdul Ghafar, 2009). Penyelidik menggunakan kaedah kajian deskriptif bagi menyatakan masalah dengan tepat dan jelas dan mengenal pasti maklumat yang perlu digunakan untuk menyelesaikan masalah. Menerusi kajian ini, ia melibatkan pengumpulan data-data, membuat interpretasi, perbandingan dan merumus generalisasi (Sulaiman Ngah Razali, 1996).

Terdapat dua jenis data yang digunakan dalam kajian ini iaitu data primer dan sekunder. Data primer dikumpulkan melalui temubual manakala data sekunder telah diperolehi melalui laman sesawang institusi yang terlibat, jurnal, tesis, internet dan akhbar.

## **POPULASI DAN PERSAMPELAN**

Populasi merupakan satu kumpulan besar individu di mana masalah wujud dan kumpulan individu atau objek yang dicerap. Dengan kata lain, ia merupakan cerapan ke atas sekumpulan individu atau objektif yang mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama dengan individu lain. Populasi sasaran pula adalah sekumpulan individu yang ingin diselidiki oleh pengkaji serta dijadikan asas untuk membuat generalisasi (Fraenkel dan Wallen, 2006). Manakala sampel pula adalah individu yang mewakili populasi (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999). Sampel/responden yang dipilih dalam kajian ini melibatkan seramai empat orang pegawai Pusat Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Prosedur persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan jenis bukan kebarangkalian dimana individu yang ditemuduga telah dikenalpasti terlebih dahulu berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

## **KAEDAH PENGANALISIAN DATA**

Semua data yang telah dikumpul, akan diteliti satu demi satu supaya hasil pengolahan serta menganalisis menepati piawaian. Penganalisan terhadap data-data yang telah terkumpul ini dibuat melalui tiga metod utama iaitu metod induktif, metod deduktif dan metod komparatif (perbandingan).

### **Metod Induktif**

Metod induktif bererti suatu cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum (Imam Barnadib, 1982). Berdasarkan metode tersebut, data-data yang diperolehi yang berbentuk khusus akan disimpulkan dalam bentuk umum.

### **Metod Deduktif**

Metod deduktif bermaksud cara menganalisis dan melakukan penulisan yang berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpandukan dalil-dalil umum terhadap hal-hal yang khusus (Imam Barnadib (1982). Berdasarkan metod tersebut, data-data terkumpul yang berbentuk umum dibuat kesimpulan-kesimpulan yang berbentuk khusus.

### **Metod Komparatif**

Selain kedua-dua yang disebutkan di atas, penganalisan data juga menggunakan metode komparatif. Metode komparatif ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam penyelidikan (Abdul Halim Mat Diah, 1987). Berdasarkan metod tersebut segala data dan maklumat yang didapati antara satu sama lain seterusnya dibuat kesimpulan. Perbandingan yang akan dibuat ialah jawapan / pandangan responden-responden mengenai soalan-soalan yang dikemukakan.


## **ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

### **Asnaf-Asnaf Penerima Zakat Pusat Islam UPSI**


#### i. Golongan Penerima Wang Zakat

Golongan penerima wang zakat Pusat Islam UPSI menurut maklum balas daripada tiga responden iaitu responden pertama, kedua, dan keempat ialah empat golongan iaitu golongan miskin, fisabilillah, gharimin dan amil.

Manakala, responden ketiga menjawab hanya tiga golongan iaitu golongan miskin, fisabilillah dan al-gharimin. Jadi boleh disimpulkan di sini bahawa terdapat empat golongan yang telah dipilih untuk menerima wang zakat daripada Pusat Islam UPSI iaitu golongan miskin, fisabilillah, gharimin dan amil. Hal ini kerana, tiga daripada empat responden yang disoal memberikan jawapan yang sama iaitu terdapat empat golongan penerima wang zakat, manakala hanya responden ketiga sahaja yang menyatakan tiga golongan penerima wang zakat dengan tidak memasukkan golongan amil sebagai golongan penerima wang zakat daripada Pusat Islam UPSI.



ii. Golongan Asnaf yang Paling Ramai Menerima Wang Zakat




**Rajah 2** Golongan asnaf yang paling ramai menerima wang zakat

Golongan asnaf yang paling ramai menerima wang zakat menurut maklum balas daripada keempat-empat responden ialah golongan asnaf miskin tetapi hanya responden keempat yang berpendapat terdapat dua golongan yang paling ramai menerima wang zakat iaitu selain asnaf miskin ialah asnaf fisabilillah. Maka dapat disimpulkan di sini bahawa majoriti responden berpendapat bahawa golongan asnaf yang paling ramai menerima wang zakat daripada Pusat Islam UPSI ialah asnaf miskin.

iii. Latarbelakang Penerima Wang Zakat

Untuk persoalan ketiga, kesemua responden disoal sama ada penerima wang zakat merupakan penerima yang sama setiap tahun atau terdapat sebarang perubahan dan melalui maklum balas daripada responden tersebut, terdapat dua kesimpulan yang dapat dibuat. Responden pertama, ketiga, dan keempat berpendapat bahawa penerima wang zakat berkemungkinan terdiri daripada orang yang sama pada setiap tahun. Di samping itu, responden pertama turut berpendapat bahawa penerima zakat yang sama setiap tahun terdiri daripada kategori tiada tajaan dan kategori ibu atau bapa yang meninggal dunia. Selain itu, responden ketiga berpendapat selain penerima wang zakat yang sama setiap tahun terdapat penambahan penerima wang zakat pada setiap tahun. Manakala, responden kedua berpendapat bahawa penerima wang zakat tidak sama dalam

setiap asnaf dan dia juga berpendapat permohonan bertambah setiap tahun. Justeru, dapat dikatakan bahawa penerima wang zakat terdiri daripada pihak yang sama setiap tahun.



Rajah 3 Latar belakang penerima wang zakat

#### iv. Kriteria Penerima Wang Zakat



Rajah 4 Kriteria penerima wang zakat


Bagi persoalan keempat, responden disoal mengenai cara pihak pengurusan menentukan kriteria mereka yang layak menerima wang zakat. Responden pertama, kedua, dan keempat memberi jawapan yang sama iaitu kriteria yang dipilih ialah berdasarkan kepada tajaan pengajian, pendapatan keluarga, dan tanggungan keluarga. Manakala, responden ketiga berpendapat kriteria bagi menentukan siapa yang layak menerima wang zakat ialah melalui melihat kepada pendapatan keluarga serta beban atau hutang yang ditanggung oleh pemohon. Di sini jelas kelihatan bahawa responden ketiga mempunyai jawapan yang berbeza dengan responden pertama, kedua dan keempat yang mana masing-masing menyatakan terdapat tiga kriteria bagi menentukan siapa yang layak menerima wang zakat dan melalui majoritinya dapat disimpulkan bahawa kriteria yang dipersetujui oleh kebanyakan responden ialah tajaan pengajian, pendapatan keluarga, dan tanggungan keluarga .

#### v. Sesi Taklimat Mengenai Zakat kepada Pelajar

Persoalan kelima menjawab tentang sesi taklimat mengenai zakat yang diberikan kepada pelajar oleh Pusat Islam. Rata-rata responden menjawab yang sesi taklimat diadakan semasa Minggu Suai Kenal atau turut dikenali sebagai Minggu Orientasi yang mana kenyataan ini disokong oleh responden pertama, kedua, ketiga, dan keempat. Di samping itu, responden kedua turut menambah bahawa sesi taklimat turut dibuat pada setiap sesi pertemuan Taaruf pelajar.



vi. Hebahan Maklumat tentang Zakat kepada Pelajar



**Rajah 6** Hebahan Maklumat Tentang Zakat Kepada Pelajar

Hebahan maklumat tentang zakat kepada pelajar menurut tiga responden iaitu responden pertama, kedua, dan keempat ialah melalui portal rasmi UPSI iaitu MyUPSI Portal, email, dan laman Facebook rasmi Pusat Islam. Responden kedua juga turut berpendapat yang hebahan maklumat tentang zakat turut dilakukan menggunakan brosur. Responden ketiga pula berpendapat bahawa hebahan hanya dilakukan melalui taklimat dan iklan sahaja. Dapat disimpulkan di sini bahawa mengikut majoritinya hebahan maklumat mengenai zakat kepada pelajar dilakukan melalui MyUPSI Portal, email, dan laman Facebook rasmi Pusat Islam.

vii. Kaunter Bergerak Zakat

Persoalan ketujuh adalah mengenai kaunter bergerak zakat yang dicadangkan diadakan di UPSI. Kesemua responden iaitu responden pertama, kedua, ketiga, dan keempat berpendapat bahawa kaunter bergerak zakat belum lagi dibuat dan menurut responden ketiga dan keempat juga, kaunter bergerak zakat masih di dalam tahap perbincangan dan perancangan. Selain itu, responden kedua juga turut menambah bahawa perancangan terbaru Pusat Islam adalah pembelian *Booth Display Smart Panel* bagi tujuan promosi di dalam dan luar kampus. Manakala, responden pertama berpendapat bahawa kaunter bergerak zakat akan dilaksanakan segera yang mungkin dalam tahun ini. Maka, dapat disimpulkan bahawa kaunter bergerak zakat belum lagi dibuat oleh Pusat Islam, UPSI dan masih lagi di tahap perancangan.



**Rajah 7** Kaunter bergerak zakat

## KESIMPULAN

Berdasarkan analisis data yang telah dilakukan, dapat dirumuskan bahawa objektif kajian iaitu ingin mendapatkan maklumat mengenai pengagihan zakat di Pusat Islam UPSI telah berjaya dicapai.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Pusat Islam UPSI telah berjaya menguruskan pengurusan pengagihan zakat dengan baik. Kajian telah dapat mengenalpasti asnaf-asnaf penerima zakat daripada Pusat Islam UPSI, golongan penerima zakat yang ramai, latarbelakang penerima zakat tahunan, kriteria penerima zakat, masa sesi taklimat zakat diadakan, kaedah hebahan dijalankan dan kaunter bergerak zakat.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim Mat Diah. (1987). *Satu contoh tentang huraian metodologi* (Nota kuliah sarjana). Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Monir Yaacob. (2011). Konsep agihan zakat menurut syarak. *Bengkel Hukum Syarak Negeri Pahang*, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.
- Abdullah Muhammad Basmeh. (1995). *Mustika Hadis Rasulullah SAW*. Jil. 3. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- al-Nawawi, Abi Zakariyya Yahya bin Syarf al-Din. (1993). Basyir Muhammad Uyun (ed.). *Al-Tibyan fi Adab Hamlah al-Quran*. Beirut : Maktabah Dar al-Bayan.
- al-Nawawi, Abi Zakariyya Yahya bin Syarf al-Din. (1994). *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*. Jil.11. Cet. Ke-2. Beirut : Mu'assasah Qurtubah.
- Abu Urwah. (2001). *Sistem-sistem Islam: Satu analisis perbandingan*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Ahmad Syafi'i, K. (2005). *Siri keajaiban Rukun Islam: Hikmah Zakat*. Kuala Lumpur: Jasmine Enterprise.
- Azman & Siti Martiah. (2013). Peranan institusi zakat dalam pembangunan pendidikan asnaf fakir dan miskin di Malaysia. *Proceeding of the 5th Islamic Economics System Conference*.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan: Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia).
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor. (2004). Kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup: Kajian kes asnaf fakir dan miskin. *JMFR*, 1: 51 -166.
- Imam Barnadib. (1982). *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP.
- Irfan Syauqi Beik. (2009). Analisis peranan zakat dalam mengurangi kemiskinan: Studi kasus dompet dhuafa republika. *Jurnal Pemikiran dan Gagasan*, 2
- Ismadi Badarudin, Arifin Saleh, Sy Ahbudin dan Alias Deraman. (2004). *Kajian aplikasi sistem dalam pelaksanaan zakat berkomputer di negeri Melaka*. Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan.
- Wellington, J. (2000), *Educational Research Contemporary Issues and Practical Approaches*. Continum: London.
- Kamil Md. Idris. (2006). *Kesan Persepsi Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat terhadap Masyarakat*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mohd Ali Mohd Nor, Hairunnizam Wahid & Nor Ghani Md Nor. (2004). Kesedaran membayar zakat pendapatan dalam kalangan kakitangan profesional Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Islamiyyat*, 26 (2): 59 – 67.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi. (t.t). *Qamus al-Marbawi*. Jil.1. Cet. Ke-4, Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa-Awladuhu.
- Noor Haslinda Kulub Abdul Rashid. (2004). *Pelaksanaan agihan zakat terhadap asnaf fakir dan miskin dalam membasmi kemiskinan: Kajian khusus di Pusat Zakat Selangor*. Kertas Penyelidikan Ijazah Sarjana Ekonomi, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Nur Azura Sanusi, Nurazlina Abd Wahab & Nor Fadzlin Mohd Bahar. (2004). *Gelagat kepatuhan pembayaran zakat pendapatan: Kajian kes di Universiti Utara Malaysia*. Kertas Penyelidikan, Universiti Utara Malaysia.
- Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial – Pendekatan Pragmatik*. Selangor: Edusystem Sdn Bhd.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. (2006). Penswastaan institusi zakat dan kesannya terhadap pembayaran secara formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies*, 13 (2): 175-196.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2010). *Research Methods for Business*. (5th ed.). Cornwall: Padstow.
- Sulaiman Ngah Razali. (1996). *Analisis Data dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.